

**Persidangan Kebangsaan Persatuan-Persatuan Cina Malaysia 728
Bantahan Terhadap Dasar-Dasar Dalam
Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013 - 2025
Yang Tidak Kondusif Kepada Pembangunan
Pendidikan Bahasa Ibunda**

**RESOLUSI-RESOLUSI
PERSIDANGAN**

活动 / 专题

事件 / 专题

文獻

图表与数据

编后语

编委会名单

1. Negara kita ialah sebuah negara yang berbilang kaum, bahasa, budaya dan agama. Kerajaan seharusnya mengenal sekolah-sekolah pelbagai aliran bahasa di negara kita adalah aset yang amat berharga dan merupakan satu kelebihan. Untuk memastikan perpaduan dan persefahaman rakyat semua kaum, kerajaan seharusnya melaksanakan falsafah dan dasar pendidikan pelbagai aliran bahasa.
Oleh itu, majlis dengan tegasnya membantah kerajaan melalui "Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025" untuk terus melaksanakan dasar pendidikan satu aliran sekolah yang tidak kondusif kepada pembangunan pendidikan bahasa ibunda dan menjejaskan perpaduan rakyat.
2. Majlis menyeru kerajaan supaya menggubal "Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025" menurut dasar pendidikan yang dirumuskan mengikut Ordinan Pelajaran

1957 supaya dapat mewujudkan satu sistem pendidikan kebangsaan yang diterima seluruh rakyat Malaysia, memenuhi keperluan rakyat semua kaum, menggalak pembangunan kebudayaan, sosial, ekonomi dan politik kaum masing-masing. Di samping menghormati kedudukan Bahasa Kebangsaan, juga perlu memelihara dan membantu pembangunan bahasa dan budaya rakyat semua kaum negara kita.

3. Majlis menyeru rakyat seluruh negara, institusi-institusi pendidikan semua kumpulan etnik dan pertubuhan-pertubuhan masyarakat menyokong kempen mengutip tandatangan untuk membuat aduan terhadap "Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025" yang melaksanakan dasar diskriminasi pendidikan bahasa ibunda ke Majlis Hak Asasi Manusia Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dan Pertubuhan Pendidikan, Sains dan Kebudayaan (Unesco) PBB.